



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **2 Dec2021 (Thursday)**

### **Berita Harian**

'Bawa isu pangsapuri retak ke sidang DUN'	1
1,076 kes penderaan kanak-kanak di Selangor	2
Invest Selangor yakin prospek ekonomi 2022	3

### **Utusan Malaysia**

Selangor warta 262 tapak kubur	4
--------------------------------	---

### **Harian Metro**

Selangor catat 9,551 kematian setakat 2 November	5
Bad segan nak terima zakat	6
Selangor optimistik tetapi berhati-hati	7

### **Kosmo**

Melayu paling ramai mati akibat jangkitan Covid-19	8
--	---

### **Sinar Harian**

LZS peruntuk RM69.3 juta	9
1076 penderaan kanak kanak di Selangor	10
9551 kematian akibat Covid-19 direkodkan	11
Perlindungan kepada pemberi maklumat	12

### **RTM1**

Kes Dera Kanak-Kanak Di Selangor : JKM Beri Perlindungan	13
--	----

### **The Star**

COUNCIL NOTICES	14
MB: Only basic info in Selangor's aid data system	15
State funds for youth development not fully used	16
PM to brief Cabinet on possible HSR revival	17
It's all systems go for ECRL in Selangor	18
Selangor to host global convention on tourism	19

### **The Sun**

RM150,000 ON MANGROVE CONSERVATION	20
Invest Selangor cautiously optimistic for next year	21

### **The Edge CEO Morning Brief**

Awantec bags RM76 mil contract to deploy workplace solution services	22
--	----

### **Sin Chew Daily**

Kuala Selangor Nature Park invests RM100 million to create an internationally renowned attraction	23
Wee Ka Siong: Malaysia and Singapore have not set a timetable for the proposed reintroduction of HSR	24
Junior Chamber International Kuala Lumpur Mandarin invites Menteri Besar of Selangor to present the award to the "Top 10 Outstanding Youths" on the day after tomorrow	25

### **Guang Ming Daily**

MBSJ launch EzyPay MBSJ to provide digital cashless service	26
---	----



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



### **Makkal Osai**

116 people receive awards from Selangor Sultan

27

### **RTM2**

1,076 Kes Dera Kanak-Kanak Dilapor Di Selangor

28



## KERATAN AKHBAR

2 December 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	'Bawa isu pangsapuri retak ke sidang DUN'
Muka Surat	:	15

# 'Bawa isu pangsapuri retak ke sidang DUN'

**Kuala Lumpur:** Kebimbangan 450 penghuni Pangsapuri Seri Cempaka di Taman Pinggiran Tasik Kiambang di Serendah berikutan blok kediaman mereka yang retak dan tidak selamat diduduki, akan dicadangkan dibawa ke sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor dengan segera.

Ahli Parlimen Hulu Selangor, June Leow Hsiad Hui, berkata pihaknya akan mengusulkan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Bernam, Datuk Rosni Sohar supaya isu itu dibangkitkan pada persidangan DUN kerana isu itu serius dan membabitkan keselamatan orang awam.

"Perkara ini perlu diberi perhatian segera untuk tindakan selanjutnya. Tiada masalah membawa perkara ini ke sidang DUN sedang berlangsung ketika ini dan saya akan mengumpulkan maklumat serta berikan kepada pihak berkenaan (ADUN) untuk mendapat perhatian kerajaan Selangor.

"Saya amat berharap kerajaan negeri memberi perhatian serius terhadap masalah ini kerana kejadian seumpama ini bukan



Keratan akhbar BH, semalam.

kali pertama, sebaliknya pernah terjadi di pangsapuri di Bukit Beruntung.

"Saya juga akan membincangkan perkara ini dengan pihak berkaitan dan kita mahu kerajaan Selangor beri perhatian terhadap aspek keselamatan, sama ada bangunan itu selamat diduduki atau tidak," katanya kepada BH, semalam.

Semalam, BH melaporkan 450 penduduk daripada 120 keluarga di Pangsapuri Seri Cempaka di Taman Pinggiran Tasik Kiambang hidup dalam kebimbangan berikutan keretakan pada struktur kediaman mereka yang didakwa semakin teruk.

Tinjauan di tiga blok pangsapuri lima tingkat berusia lebih 15 tahun itu mendapati terdapat keretakan terutama di aras bawah struktur dinding di luar bangunan dan beranda kebanyakan rumah, selain beberapa parkir

kenderaan terpaksa diko-songkan selepas penduduk mengesan mendapan tanah membentuk beberapa lubang.

Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Selangor/ Wilayah Persekutuan juga mengesan terdapat pergerakan tanah di pangsapuri itu hasil lawatan ke lokasi berdasarkan keretakan pada longkang dan dinding pangsapuri berkenaan.

Hsiad Hui berkata, setakat ini pihaknya masih menanti laporan penuh berhubung kejadian retak dan kerosakan itu, namun tindakan pemantauan sudah dilaksanakan dengan pihak bertanggungjawab, termasuk JMG Selangor akan mengemukakan laporan penuh untuk tindakan lanjut.

"Tindakan itu termasuk menempatkan penduduk terkesan ke lokasi lebih selamat.

"Kita dapat laporan berlaku gerakan tanah di situ dan ketika ini pihak bertanggungjawab sedang melihat aspek keselamatan dan tindakan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri.

"Satu laporan penuh akan dikemukakan," katanya.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

2 December 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	1,076 kes penderaan kanak-kanak di Selangor
Muka Surat	:	19

### Sidang DUN Selangor

# 1,076 kes penderaan kanak-kanak di Selangor

**JKM sedia 11 PPKK di setiap daerah beri khidmat perlindungan**

Oleh Norzamira Che Noh  
 bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Sebanyak 1,076 kes penderaan kanak-kanak dilaporkan di Selangor antara Januari hingga September lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri, Dr Siti Mariah Mahmud, berkata berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), kes itu membabitkan penderaan fizikal, emosi dan gangguan seksual tanpa menghususkan kepada kes pedofilia.

"Daripada keseluruhan kes yang direkodkan sehingga kini, penderaan fizikal merekodkan kes tertinggi, iaitu 527 kes, diikuti gangguan seksual 514 kes dan emosi 35 kes," katanya pada

sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, di sini, semalam.

Beliau menjawab pertanyaan Juwairiya Zulkifli (PH-Bukit Melawati) mengenai kes pedofilia di Selangor.

Dr Siti Mariah berkata, mengikut Seksyen 17 Akta Kanak-Kanak 2001, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab memberikan perlindungan kepada kanak-kanak daripada dicabul dari segi fizikal, emosi atau seksual oleh mana-mana individu.

"Bagi membantu mencegah dan mengurangkan kes kanak-kanak, termasuk pedofilia, JKM Selangor mempunyai 11 Pasukan Perlindungan Kanak-kanak (PPKK) di setiap daerah di negeri ini.

"PPKK adalah sistem sokongan kepada perkhidmatan perlindungan kanak-kanak pada peringkat komuniti," katanya.

Katanya, antara peranan PPKK adalah memaklumkan sebarang kejadian penganiayaan dan pe-

ngabaian kepada mana-mana perlindungan atau pegawai kebajikan masyarakat.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Penggunaan dan Industri Halal negeri, Mohd Zawawi Ahmad Mughni, berkata tanah perkuburan Islam yang sudah diwartakan tetapi

masih kosong di negeri ini, boleh digunakan untuk tujuan lain dengan kelulusan pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sebagai pegawai pengawal.

Beliau berkata, aktiviti ingin dijalankan atas tapak berkenaan mestilah yang sah dan mematuhi undang-undang, di samping bersifat sementara.

"Sekiranya aktiviti dijalankan sebelum tapak terbabit diwartakan, ia adalah bawah tanggungjawab pentadbir tanah daerah.

"Bagaimanapun apabila tapak itu sudah diwartakan, pihak yang menggunakan tanah terbabit perlu mengemukakan permohonan penggunaan tanah kepada

pengarah JAIS," katanya.

Beliau menjawab soalan Syamsul Firdaus Mohamed Supri (PH-Taman Medan) mengenai penggunaan tapak tanah perkuburan Islam bagi tujuan lain.

Mengulas lanjut, Mohd Zawawi berkata, pihak JAIS mengambil beberapa langkah bagi melindungi tapak tanah terbabit daripada digunakan tanpa kebenaran untuk aktiviti lain.

"Antara langkah dilaksanakan ialah membuat pemantauan ke atas tapak, serta bekerjasama dengan Pejabat Daerah dan Tanah serta pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi menguatkuasakan peraturan mengikut Kanun Tanah Negara.

"Selain itu, melaksanakan dasar membuka penggunaan tanah dengan kebenaran pegawai pengawal, bagi mewujudkan mekanisme penyelenggaraan tapak bawah kelolaan JAIS," katanya.

Mohd Zawawi turut memaklumkan, tapak tanah bawah kelolaan JAIS adalah terbuka kepada sesiapa saja yang ingin menyewa, kerana ia secara tidak langsung akan menyumbang pendapatan tambahan kepada jabatan.



Dr Siti Mariah Mahmud



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

**2 December 2021**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Invest Selangor yakin prospek ekonomi 2022
Muka Surat	:	36

# Invest Selangor yakin prospek ekonomi 2022

Invest Selangor Bhd, cabang pelaburan kerajaan negeri Selangor kekal optimistik, tetapi berhati-hati terhadap prospek ekonomi negeri untuk 2022 kerana COVID-19 membawa banyak cabaran baharu, khususnya kepada rantaian bekalan kebanyakan industri.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Hasan Azhari Idris, berkata bekalan terhad bahan mentah, alat ganti dan komponen, terutama dalam industri elektrik dan elektronik, menghalang penghantaran tempahan baharu banyak barangan elektronik di seluruh dunia.

"Bagaimanapun, kami kekal positif, namun berhati-hati dalam mengunjurkan pertumbuhan ekonomi negeri bagi 2022," katanya.

Hasan Azhari berkata, Selangor adalah penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia, menyumbang secara purata 24 peratus setahun.

Justeru, pertumbuhan ekonomi negeri memberi kesan langsung kepada pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhan.

Tahun lalu, negeri itu merekodkan pertumbuhan ekonomi lebih perlahan sebanyak 2.09 peratus di tengah penguncupan KDNK negara keseluruhan sebanyak 5.6 peratus disebabkan pandemik dan Perintah Kawalan Pergerakan.

Beliau berkata, di sebalik situasi pandemik yang bermula awal 2020, Selangor berjaya memperoleh tempat teratas sebagai destinasi pelaburan terbaik Malaysia untuk sektor pembuatan dengan jumlah pelaburan RM18.4 bilion tahun lalu.

"Untuk 2021, sasaran awal kami bagi pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan/pembuatan ialah RM12 bilion.

"Bagaimanapun, kami menilai semula ini kerana ketidakpastian pandemik, penyebaran varian baharu dan sekatan berpanjangan dalam aktiviti ekonomi serta perjalanan banyak

menjejaskan rancangan untuk 2021.

"Kami berharap keadaan semakin baik pada 2022 dan dapat merancang aktiviti pembabitan serta promosi lebih baik," kata Hasan Azhari.

Baru-baru ini, Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata menurut Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Selangor merekodkan nilai pelaburan lebih tinggi RM4.64 bilion dari Januari hingga Jun 2021, berbanding RM3.39 bilion pada separuh pertama 2020, manakala projek pembuatan yang diluluskan ialah 122, sama seperti tahun lalu.

Beliau berkata, 9,179 pekerjaan diwujudkan dalam tempoh itu, manakala pelaburan tempatan dan asing masing-masing meningkat kepada RM4.06 bilion dan RM576.98 juta berbanding 5,001 pekerjaan diwujudkan, RM1.82 bilion pelaburan tempatan dan RM1.55 bilion pelaburan asing pada separuh pertama 2020.

Di sebalik situasi pandemik yang bermula awal 2020, Selangor berjaya memperoleh tempat teratas sebagai destinasi pelaburan terbaik Malaysia untuk sektor pembuatan dengan jumlah pelaburan RM18.4 bilion tahun lalu



Hasan Azhari Idris,  
Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor Bhd

BERNAMA





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

**2 December 2021**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Selangor warta 262 tapak kubur
Muka Surat	:	32

Tanah perkuburan Islam Selangor cukup hingga 20 tahun lagi

# Selangor warta 262 tapak kubur

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**  
utusannews@mediamula.com.my

**SHAH ALAM:** Keluasan tanah perkuburan Islam di negeri ini masih mampu menampung pengebumian jenazah bagi tempoh 20 tahun akan datang walaupun berlaku peningkatan kematian ketara akibat wabak Covid-19.

Perkara itu dijelaskan, Exco Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal, Mohd. Zawawi Ahmad Mughni yang memberitahu, kerajaan negeri sudah mewartakan beberapa kawasan untuk dijadikan tapak

tanah perkuburan sekiranya tempat sedia ada penuh.

"Sehingga kini terdapat 324 tapak tanah perkuburan Islam di seluruh negeri dan daripada jumlah itu, sebanyak 262 tapak sudah diwartakan, empat tapak wakaf dan 76 lagi sedang dalam proses pewartaan.

"Justeru tidak timbul isu kekurangan tapak tanah perkuburan Islam selepas kematian meningkat akibat wabak pandemik, malah tapak sedia ada mencukupi dan kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk memastikan kemam-

puan penerimaan pengebumian jenazah untuk tempoh dua dekad lagi," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Sebelum ini dua tanah perkuburan Islam iaitu di Tanah Perkuburan Islam Selat Klang, Klang dan Seksyen 21, Shah Alam menjadi tempat khusus untuk pengebumian jenazah Covid-19 yang dilakukan secara berpusat untuk kerajaan negeri.

Malah, Jabatan Agama Selangor (JAIS) turut menyedari keluasan tanah yang semakin berkurangan di Selat Klang se-

belum memindahkan pengebumian berpusat di Johan Setia, Klang.

Dalam pada itu, Mohd. Zawawi turut menjelaskan tiada keperluan dalam masa terdekat untuk mencari tapak tanah perkuburan yang baharu berikutan langkah mengatasi masalah kekurangan sudah pun dirancang dan diambil tindakan.

"Saya sentiasa berbincang dengan Pengarah JAIS, Datuk Shahzihan Ahmad mengenai perkara tersebut, dan tapak sedia ada di seluruh negeri ketika ini adalah mencukupi," jelasnya.



**MOHD. ZAWAWI AHMAD MUGHNI**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

2 December 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Selangor catat 9,551 kematian setakat 2 November
Muka Surat	:	6

# Selangor catat 9,551 kematian setakat 2 November

**Shah Alam:** Selangor merekodkan 9,551 kematian akibat Covid-19 sejak Januari sehingga 2 November lalu manakala bagi 2020, 66 kematian direkodkan.

**Pengerusi Jawatan-kuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita & Keluarga Dr Siti Mariah Mahmud** berkata, daripada jumlah keseluruhan, 7,833 kematian membabitkan warganegara manakala 1,718 pula bukan warganegara.

"Merujuk kepada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), jumlah kematian mengikut pecahan kaum untuk tempoh yang sama adalah 4,696 bagi Melayu, 1,800 membabitkan kaum Tionghua, 1,285 India dan 52 lain-lain.

"Kadar kematian tertinggi direkodkan pada Julai serta Ogos iaitu masing-masing 3,034 dan 2,452 bagi

kematian membabitkan warganegara manakala 613 (Julai) serta 823 (Ogos) bagi kematian bukan warganegara," katanya pada Sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) Selangor di sini, semalam.

Beliau menjawab pertanyaan **Lee Kee Hiong (PH-Kuala Kubu Bharu)** yang diwakili **Lau Weng San (PH-Banting)** berkenaan kes kematian akibat Covid-19 pada 2020 serta 2021.

Mengulas lanjut, Dr Siti Mariah berkata, mengikut rekod JKNS bermula 1 Jun hingga 30 September lalu, 775 kes kematian adalah dalam kalangan mereka yang sudah menerima dua dos vaksin.

"Ini bermakna, 9.1 peratus kematian akibat Covid-19 bagi tempoh Jun hingga September 2021 di Selangor membabitkan kalangan penerima dua dos vaksin," katanya.

**Kadar kematian tertinggi direkodkan pada Julai serta Ogos lalu**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

2 December 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Bad segan nak terima zakat
Muka Surat	:	20

# Bad segan nak terima zakat

Anggota kumpulan Indigo berstatus OKU anggap ada insan lain lebih layak

Oleh Zaara Talita  
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**P**enyanyi Bad Indigo, 46, mengakui segan dan malu untuk menerima wang bantuan zakat yang dihulurkan oleh badan kebajikan itu kepadanya, biarpun dia kini memegang kad orang kurang upaya (OKU).

Bad atau nama sebenarnya Badrul Izhan Yeop Abdullah berkata biarpun diuji menghidap penyakit kencing manis kronik dan me-

nyandang status OKU, namun dia berpendapat lebih ramai golongan memerlukan berbanding dirinya.

"Saya rasa segan nak ambil duit yang tentunya ada asnaf lain lebih layak dan memerlukannya lagi. Apapun, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) memang mahu membantu saya.

"Cuma, saya yang meluahkan perkara ini kepada pegawai yang bertugas. Tetapi mereka ada kata, saya memang layak terima. Namun, buat masa ini saya yang tak

mahu ambil lagi bantuan daripada kedua-dua pihak terbabit sebab masih mahu cuba dan usaha sendiri," katanya.

Bad berkata demikian semasa ditemui wakil media di konsert Gegar Vaganza musim kelapan (GV8) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), baru-baru ini.

Menurut anggota kumpulan Indigo itu, zakat bukan hanya disalurkan kepada fakir miskin sahaja, malah ia ada banyak lagi kategori.

"Biarpun pegawai itu su-



**"**  
Buat masa ini saya yang tak mahu ambil lagi bantuan daripada kedua-dua pihak sebab mahu cuba dan usaha sendiri  
**Bad Indigo**

dah menjelaskan keadaan sebenar dan memberitahu saya supaya jangan risau, namun saya rasa tidak mengalah.

"Sekiranya saya benar-be-

nar memerlukannya nanti atau tiada langsung cara lain untuk hidup, mungkin saya akan hubungi mereka untuk membantu, insyaAllah," katanya.

Terdahulu, Bad melakukan pembedahan memotong empat jari kaki sebelah kirinya akibat penyakit kencing manis kronik dihidapi pada Mac lalu.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

2 December 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Selangor optimistik tetapi berhati-hati
Muka Surat	:	22

### PROSPEK EKONOMI 2022

## Selangor optimistik, tetapi berhati-hati

**Shah Alam:** Invest Selangor Bhd, cabang pelaburan kerajaan Selangor kekal optimistik, tetapi berhati-hati terhadap prospek ekonomi negeri untuk tahun depan kerana Covid-19 membawa banyak cabaran baharu, khususnya kepada rantai bekalan kebanyakan industri.

Ketua pegawai eksekutif, Datuk Hasan Azhari Idris berkata, bekalan terhadap bahan mentah, alat ganti dan komponen terutama dalam industri elektrik dan elektronik menghalang penghantaran tempahan baharu banyak barangan elektronik di seluruh dunia.

"Bagaimanapun, kami kekal positif, tetapi berhati-hati dalam mengunjurkan pertumbuhan ekonomi negeri bagi tahun depan," katanya.

Hasan Azhari berkata, Selangor adalah penyumbang terbesar kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia, menyumbang secara purata 24 peratus setahun. Justeru, pertumbuhan ekonomi negeri memberi kesan langsung kepada pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhan.

Tahun lalu, negeri itu merekodkan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan sebanyak 2.09 peratus di tengah-tengah penguncupan KDNK negara keseluruhan sebanyak 5.6 peratus disebabkan pandemik



*Kami kekal positif, tetapi berhati-hati dalam mengunjurkan pertumbuhan ekonomi negeri bagi 2022"*

**Hasan Azhari Idris**

dan perintah kawalan pergerakan.

Beliau berkata, di sebalik situasi pandemik yang bermula pada awal tahun lalu, Selangor memperoleh tempat teratas sebagai destinasi pelaburan terbaik Malaysia untuk sektor pembuatan dengan jumlah pelaburan bernilai RM18.4 bilion tahun lalu.

"Untuk tahun ini, sasaran awal kami untuk pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan/pembuatan ialah RM12 bilion," katanya.  
- Bernama



## KERATAN AKHBAR

2 December 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Melayu paling ramai mati akibat jangkitan Covid-19
Muka Surat	:	16

# Melayu paling ramai mati akibat jangkitan Covid-19



**SHAH ALAM** – Orang Melayu merupakan kaum yang paling ramai mati akibat dijangkiti Covid-19 dari tahun 2020 hingga November 2021 di Selangor.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri, Dr. Siti Mariah Mahmud berkata, berdasarkan rekod, 4,696 kes kematian melibatkan Melayu diikuti Cina (1,800 kes), India (1,285 kes) dan lain-lain 52 kes.

“Individu bukan warganegara pula mencatatkan 1,718 kes kematian.

“Sebanyak 9,551 kes kematian akibat Covid-19 dicatatkan pada tahun ini sehingga November lalu, manakala untuk sepanjang tahun 2020 pula merekodkan 66 kes kematian,” katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Sela-



**SITI MARIAH ketika di Sidang DUN Selangor semalam.**

ngor, di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan lisan Lau Weng San (**PH-Banting**) berhubung jumlah kematian akibat Covid-19 mengikut pecahan kaum di Selangor.

Siti Mariah yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri Seri Serdang menjelaskan, sejumlah 775 kes kematian individu yang lengkap divaksinasi dicatatkan dari 1 Jun sehingga 24 November tahun ini.

Ujarnya, semua program pemberian dos penggalak di negeri itu adalah dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhsbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 2 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	LZS peruntuk RM69.3 juta
Muka Surat	:	22

Penerima meningkat,  
agihan masih belum  
mencukupi

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

SHAH ALAM

**L**embaga Zakat Selangor (LZS) memperuntukkan agihan zakat sebanyak RM69.3 juta menerusi 19 inisiatif bantuan di bawah Zakat Selangor Peduli. Program bermula 2 Julai lalu itu bagi membantu asnaf, golongan rentan, B40 dan institusi-institusi yang terkesan susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Inisiatif bantuan ini didasarkan akan memberi manfaat kepada 59,322 penerima dan 431 institusi yang dilaksanakan secara berperingkat dan diteruskan sehingga kini sebelum dijadualkan berakhir Disember ini.

Empat agenda turut di-



MOHD SABIRIN

Ketua Pegawai  
Eksekutif LZS,  
Saipolyazan M Yusop  
(dua dari kanan)  
menyerahkan  
sumbangan zakat  
kepada penerima.

rangka bagi memperkemas saluran agihan zakat secara bersasar dengan keutamaan untuk memenuhi keperluan asasi golongan asnaf fakir, miskin dan muafak.

Ini termasuk bagi meringankan beban golongan rentan termasuk golongan B40, selain me-



nyokong pemulihan institusi agama di Selangor serta keperluan asas barisan hadapan.

Menurut Ketua Divisyen Operasi Agihan Asnaf, LZS, Mohd Sabirin Mohd Sarbini, sehingga Oktober, LZS telah mengagihkan lebih RM25 juta bantuan zakat kepada kumpulan rentan

terkesan membabitkan hampir 16,000 penerima.

Dalam pada itu, Mohd Sabirin berkata, jumlah fakir dan miskin juga meningkat berdasarkan data belum diaudit dari kira-kira 58,000 ketua keluarga pada awal tahun kepada hampir 63,000 ketua keluarga ketika ini.

Katanya, pada awalnya LZS menjangkakan kutipan zakat menurun pada waktu pandemik namun berlaku sebaliknya kerana komitmen tinggi diberikan pengeluar zakat.

"Kutipan sebelum pandemik iaitu tahun 2019 berjumlah RM855 juta dan tahun lepas meningkat kepada RM913 juta.

"Ini adalah masanya untuk kita memberi bantuan lebih kepada mereka yang terkesan, itu pertama sekali.

"Yang kedua kita menyeru kepada pembayar dan pengeluar zakat untuk segera membuat bayaran, jangan tangguh-tangguh," katanya.

Beliau berkata, walaupun LZS merupakan institusi zakat yang membuat kutipan paling tinggi di seluruh negeri tetapi keperluan zakat di Selangor masih tidak mencukupi berdasarkan keadaan semasa.

# LZS peruntuk RM69.3 juta



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

**2 December 2021**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	1076 penderaan kanak-kanak di Selangor
Muka Surat	:	24

# 1,076 kes penderaan kanak-kanak di Selangor

**SHAH ALAM** - Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor hari ini dimaklumkan bahawa sejumlah 1,076 kes penderaan kanak-kanak telah dilaporkan di negeri tersebut dari tempoh Januari hingga September tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Siti Mariah Mahmud berkata, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia Selangor, jumlah tersebut merangkumi penderaan fizikal (527 kes), penderaan emosi (35 kes) dan penderaan atau gangguan seksual (514 kes), tanpa mengkhususkan kepada kes pedofil.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Juwairiya Zulkifli (**PH-Bukit Melawati**) mengenai jumlah kes pedofilia di Selangor.

Bagi membantu mencegah dan mengurangkan kes melibatkan kanak-kanak termasuk kes pedofilia, beliau berkata Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor mempunyai 11 Pasukan Pelindungan Kanak-kanak (PPKK) di setiap daerah yang berperanan sebagai sistem sokongan kepada perkhidmatan perlindungan golongan itu.

Beliau berkata, PPKK juga bertanggungjawab menyelaras aktiviti di 17 Pusat Aktiviti Kanak Kanak di setiap daerah mengikut keperluan masyarakat setempat.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

2 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	9551 kematian akibat Covid-19 direkodkan
Muka Surat	:	24

# 9,551 kematian akibat Covid-19 direkodkan

Sebanyak 7,833 kematian melibatkan warganegara selebihnya membabitkan warga asing

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

**S**ebanyak 9,551 kes kematian akibat wabak Covid-19 direkodkan di Selangor bagi tempoh Januari hingga 2 November lalu.

Exco Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita dan Keluarga Selangor, Dr Siti Mariah Mahmud berkata, daripada jumlah tersebut, sebanyak 7,833 ke-

matian melibatkan warga-negara, manakala selebihnya membabitkan warga asing.

Beliau berkata, sebanyak 66 kes kematian akibat wabak berkenaan turut direkodkan secara keseluruhan sepanjang tahun lalu di negeri ini.

“Rekod Jabatan Kesihatan Negeri

Selangor (JKNS) bermula 1 Jun hingga 30 September lalu juga mendapati sejumlah 775 kes kematian adalah dalam kalangan mereka yang telah menerima dua dos suntikan sejak program vaksinasi bermula pada Jun 2021.

“Ini bermakna, sebanyak 9.1 peratus kematian akibat Covid-19 bagi tempoh Jun sehingga September tahun



SITI MARIAH

ini adalah dalam kalangan penerima dua dos vaksin,” katanya sewaktu Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini pada Rabu.

Siti Mariah berkata demikian bagi menjawab pertanyaan Lee Kee Hiong (DAP-Kuala Kubu Bharu) berhubung jumlah kematian akibat

Covid-19 di Selangor.

Mengulas lanjut, Siti Mariah berkata, sebanyak 759 kes meliputi jumlah 62 peratus kes kematian di negeri ini yang melibatkan individu lengkap divaksin turut dikategorikan kematian dengan komorbid.

“Sementara 741 kes kematian direkodkan bagi tempoh sama adalah membabitkan warga emas dan 18 kes bukan warga emas,” jelas beliau.

**SIDANG DUN SELANGOR**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

2 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Perlindungan kepada pemberi maklumat
Muka Surat	:	25

MPK gubal polisi  
tingkatkan integriti  
dalam kalangan  
warga kerjanya

Oleh NORAFIZA JAAFAR

KLANG

**M**ajlis Perbandaran Klang (MPK) menggubal polisi perlindungan pemberi maklumat bagi menjamin ketelusan dan integriti dalam kalangan warga kerjanya.

Yang Dipertua MPK, Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin berkata, polisi itu sebagai galakan dan memudahkan warga kerja MPK atau mana-mana pihak membuat pendedahan maklumat berkaitan kelakuan tidak wajar membabitkan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Beliau berkata, usaha itu sejajar dengan fungsi MPK yang sering berurusan dengan pelbagai kumpulan pelanggan dan agensi lain dalam melaksanakan tugas harian.

# Perlindungan kepada pemberi maklumat



Ahmad Fadzli (empat dari kiri), Alias (lima dari kiri) bersama warga kerja MPK pada program sambutan Hari Integriti Kebangsaan peringkat MPK di Dewan Hamzah MPK, Klang baru-baru ini.

“Saya berharap polisi ini memberi peluang kepada semua warga kerja MPK, pelanggan, perunding, vendor, kontraktor, agensi-agensi lain atau mana-mana pihak untuk tampil tanpa rasa gentar melaporkan apa jua perkara dan kelakuan tidak wajar yang menyalahi undang-undang serta peraturan,” katanya pada pro-

gram sambutan Hari Integriti Kebangsaan peringkat MPK di Dewan Hamzah MPK yang berlangsung di sini baru-baru ini.

Hadir pada program itu ialah Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor, Datuk Alias Salim.

Sementara itu, Ahmad

Fadzli turut merakamkan ucapan terima kasih kepada SPRM Selangor yang turut membantu dalam penyediaan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah tersebut.

Beliau turut berharap usaha berkenaan dapat membentuk warga kerja MPK yang teguh dan berintegriti pada masa hadapan.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

**1 December 2021**

Akhbar	:	RTM1
Tajuk Berita	:	Kes Dera Kanak-Kanak Di Selangor : JKM Beri Perlindungan
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

**2 December 2021**

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	COUNCIL NOTICES
Muka Surat	:	4

## **COUNCIL NOTICES**

> Subang Jaya City Council (MBSJ) will open counters for market and food court licence renewals for 2022 at Dewan Serbaguna MBSJ USJ 7, Subang Jaya until Dec 13. Licence renewal counters will also be available at Stadium MBSJ Serdang Jaya, Seri Kembangan from Dec 16 to 24.

> MBSJ will hold a programme to collect used clothes, accessories, fabric household items and children's toys on Sunday from 9am to noon at Pangsapuri Court 2 in Puchong Utama. For details, call 03-8026 4364 (Jun).

> Petaling Jaya City Council's PJ Eco Recycling Plaza in SS8 accepts recyclable and reusable items such as electrical and electronic goods, sporting goods, paper, plastic, aluminium, styrofoam and clothing. It is open Tuesdays to Fridays, from 8am to 5pm and weekends, from 9am to 1pm. It is closed on Mondays. For details, call 03-7865 8042/ 8043 / 8049.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

**2 December 2021**

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	MB: Only basic info in Selangor's aid data system
Muka Surat	:	4

### Selangor

Sistem Smart Inisiatif  
Peduli Rakyat contains  
only basic data of aid  
applicants, assures  
Selangor MB >4

## MB: Only basic info in Selangor's aid data system

THE Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) only contains basic data such as income, job and household information, and does not contain applicants' records on aid applied for from other agencies.

"SSIPR was developed based on a one-stop centre concept to make it easier for Selangor residents to register, apply and check online for the 33 IPR programmes offered by the state government, based on the criteria and qualifications set by each programme," said Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari.

"It only keeps the required data

to check whether an applicant qualifies for a particular aid.

"SSIPR has no record or recipient's aid status with other agencies such as Selangor Islamic Religious Department (Jais) or Welfare Department (JKM).

"Through SSIPR, each assemblyman's office only has access to data of applicants in their respective constituencies.

"This is also limited to five IPR programmes that require an assemblyman's verification, such as Jom Shopping, Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) and Skim Ceria," he explained.

Amirudin said this at the state

assembly, replying to a question by Jamaliah Jamaluddin (PH-Bandar Utama) on SSIPR and an assemblyman's access to the system.

